

KERATAN AKHBAR

HARIAN METRO

19 JULAI 2019 (JUMAAT)

Temerloh

23 penuntut Jepun teruja nikmati buah tempatan

“Baunya kuat, tetapi isi sedap, lemak dan manis. Buah rambutan pula macam laici tetapi lebih sedap,” kata Yazuru Yoshida, 18, penuntut Universiti Wanita Nara, Jepun.

Yazuru antara 23 penuntut universiti berkenaan yang berpeluang merasai pelbagai buah tempatan

dalam program empat hari bermula Isnin lalu di inap desa Kampung Gunung Senyum, di sini.

Katanya, mencuba durian dan rambutan secara segar pengalaman paling menarik apatah lagi dua buah itu sukar ditemui di negaranya.

“Kami bernasib baik ke-

rana datang pada musim buah dan lebih seronok dapat mengait rambutan.

“Pengalaman melihat budaya tempatan serta cara hidup masyarakat di sini memberi pengalaman baru,” katanya yang turut ditemani seorang guru pengiring dari negara matahari terbit itu, semalam.